

Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah:
Satu Kajian Kes
(*Strategy to Overcome Facebook Addiction Used among Student in School: A Case Study*)

MOHAMMAD AZIZ SHAH MOHAMED ARIP, IRNA ABD LATIF, WAN ROSNI WAN MAMAT,
SITI NORATIKAH ABD RAZAK & JUWITA SAYANG ABD RAHIM

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan mengkaji dan mengenalpasti faktor, kesan dan strategi menangani ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Responden kajian ialah kajian kes terhadap 12 pelajar sekolah menengah harian di negeri Perak yang dikenalpasti mengalami ketagihan dalam penggunaan facebook melalui pengakuan semasa peringkat awal temubual. Dapatan kajian mendapati faktor- faktor ketagihan penggunaan facebook terdiri daripada pelbagai aspek dalaman dan luaran diri pelajar. Kesan ketagihan penggunaan facebook pula keseluruhannya mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada pelajar. Seterusnya, dapatan kajian juga mengemukakan beberapa strategi bagi diaplikasi oleh pelajar sendiri dan cadangan kepada pihak tertentu dalam menangani permasalahan ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kata kunci: gejala penggunaan facebook, kekerapan penggunaan, masalah pelajar, sikap ibu bapa.

ABSTRACT

This qualitative study aimed to review and identify the factors, effects and coping strategies of addiction in facebook use among secondary school students. Respondents of the study is a case study of 12 secondary school students in the state who suffer from addiction identified in the use of facebook through confession during the early stages of the interview. Results showed that the use of addictive factors facebook consists of various internal and external aspects of the students. Addictive effects are entirely use facebook cause negative impacts to students. Further, this study also presents some of strategies to be applied by the students themselves and to the specific recommendations in dealing with addiction problems in the use of facebook among students.

Keyword: symptoms of using facebook, usage frequency, students' problem, parents' attitude

PENGENALAN

Penggunaan peralatan komunikasi elektronik seperti internet dapat menyediakan persekitaran sosial yang pantas, mudah dan bebas kepada sesiapa sahaja. Dunia siber kini merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian manusia zaman moden. Salah satu penggunaan internet adalah melalui laman sosial facebook yang sememangnya tidak asing lagi dalam masyarakat pada hari ini terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Keadaan ini membimbangkan pelbagai pihak kerana penggunaan facebook telah menjadi ketagihan dalam kalangan pelajar sekolah. Ketagihan merupakan keadaan atau rasa ketagih akan sesuatu. Penggunaan pula merujuk kepada perbuatan (usaha, kegiatan dsb) menggunakan sesuatu (Kamus Pelajar, 2008). Facebook pula merupakan satu medan sosial yang membolehkan pengguna berhubung antara satu sama lain di seluruh dunia. Facebook telah diasaskan pada tahun 2004 oleh Mark Zuckerberg yang merupakan seorang mahasiswa di Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Facebook merupakan rangkaian sosial terbesar di dunia dan paling popular dengan jumlah penggunanya melebihi 500 juta orang (Norakmah Mat, 2011). Pengguna laman sosial ini kebanyakannya terdiri daripada remaja yang masih berada di alam persekolahan.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Salah satu daripadanya adalah ingin mencari dan menambah kenalan serta berkongsi pendapat dan idea. Selain itu, pelajar sekolah juga suka mengisi masa lapang mereka dengan bermain game yang ada di dalam facebook. Mereka saling bertanding antara satu sama lain untuk menjadi juara dalam sesuatu game yang ada. Contoh game yang terdapat di dalam facebook adalah seperti Farm Ville, YG Family, Margaritaville, Poker dan banyak lagi. Ada juga yang suka membeli barangan melalui online dengan facebook. Keadaan ini dapat menjimatkan masa dan tenaga kerana mereka tidak perlu bersusah payah ke kedai untuk membeli sesuatu barangan. Justeru, tidak dinafikan penggunaan facebook juga mempunyai kelebihan namun keadaan ini perlu dipantau supaya ia tidak disalahgunakan dan sehingga menimbulkan ketagihan terhadap facebook. Kesan negatif penggunaan facebook terhadap pelajar sekolah adalah seperti membazirkan masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Masa yang sepatutnya digunakan untuk mengulangkaji pelajaran telah digunakan untuk melayari laman sosial ini. Keadaan ini seterusnya boleh membawa kemerosotan dalam pelajaran dan mereka tidak dapat memberi fokus yang baik di dalam pelajaran. Selain itu, hubungan sosial

secara face-to-face juga gagal dilaksanakan kerana mereka lebih bersikap pendiam dan mementingkan diri sendiri. Hal ini seperti diungkapkan oleh Sigman dalam Suyono dan Muyassaroh (2009) menyatakan bahawa pengguna facebook pada akhirnya hanya tertarik pada dunia artifisial sehingga lama-kelamaan akan menemui kesulitan dalam berkomunikasi secara face-to-face. Mereka juga gagal dalam berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling. Apabila keadaan ini berlaku di sekolah, pelajar gagal dalam melibatkan diri dengan aktiviti dan kegiatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Lantaran itu, mereka cenderung untuk terlibat dalam masalah salah laku di sekolah dan di luar sekolah. Dalam kajian yang dilakukan oleh David (2005) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan internet dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar yang berlaku dewasa ini.

Oleh itu, strategi untuk menangani permasalahan ini perlu dilaksanakan dan melibatkan usaha semua pihak terutamanya ibubapa, guru-guru dan masyarakat supaya generasi muda negara tidak terus hanyut dibuai keseronokan penggunaan facebook dan memperoleh masalah yang sealiran dengannya.

PERNYATAAN MASALAH

Jika diimbas kembali, pada awalnya media hanya berkembang dengan adanya media cetak dan media elektronik. Tetapi, kini telah munculnya media baru dengan pelbagai aplikasi moden yang digunakan di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Penggunaan aplikasi internet khususnya penggunaan facebook memberikan pelbagai kemudahan serta kesenangan kepada penggunannya. Namun jika ia disalahguna, keadaan yang tidak sihat akan berlaku seperti ketagihan penggunaan facebook yang boleh memberikan pelbagai masalah dalam kehidupan seharian manusia.

Facebook merupakan laman jaringan sosial paling popular di dunia. Menurut Abdullah dan Mawaddah (2008) anggaran di Malaysia penggunaan Facebook adalah seramai 6.8 juta pengguna. Daripada jumlah itu, 52 % adalah pengguna lelaki manakala pengguna wanita adalah sebanyak 48 %. Kelompok yang paling ramai menggunakan Facebook di Malaysia ialah mereka yang berusia 18-24 tahun, iaitu mewakili 37 peratus dan diikuti dengan mereka yang berusia 24-34 tahun sebanyak 31 peratus. Sekiranya keadaan ini tidak ditangani, nescaya masalah ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah ini boleh menjadi virus dalam masyarakat.

Aplikasi penggunaan *facebook* kini boleh dilayari oleh hampir keseluruhan golongan masyarakat.

Tambahan pula perkhidmatan internet tanpa wayar (wireless) dan disediakan secara percuma oleh pelbagai pihak mudah didapati untuk memudahkan golongan ini mengakses internet. Di antara tempat yang mudah mendapat kemudahan ini seperti di kafe, restoran, lapangan terbang, hotel dan pusat membeli belah (Johari Hassan dan Raja Shahrina, 2012). Sehubungan itu, ini meningkatkan masalah ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah kerana setiap pelosok tempat di kawasan mereka mempunyai kemudahan internet. Tambahan pula, penggunaan telefon bimbit yang memiliki perisian perkhidmatan internet tanpa wayar dapat menghubungkan mereka dengan sesiapa sahaja dan di mana sahaja. Faktor penyediaan perkhidmatan internet secara percuma ini secara tidak langsung boleh meningkatkan ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah dan ia memberi kesan yang negatif sekiranya tidak dikawal.

Dilaporkan kira-kira 60,000 pelajar berusia antara 12 hingga 18 tahun di negara ini dikesan menghabiskan sekurang-kurangnya empat jam sehari melayari internet terutama dalam laman sosial facebook (Norakmakmah Mat Youb, 2010). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa selain daripada aktiviti sekolah, pelajar ini kebanyakannya menghabiskan masa dengan melayari facebook. Ketagihan terhadap facebook ini menyebabkan pelajar terbabit dalam permasalahan seperti membuang masa, kerap menipu, mencuri, anti sosial dan berubah menjadi seorang yang pemarah sekiranya keinginan mereka tidak dapat dipenuhi. Keadaan ini boleh menimbulkan kesan negatif yang boleh menyebabkan berlakunya masalah keluarga, masalah perhubungan sosial, masalah pembelajaran dan banyak lagi. Justeru, pelbagai strategi dan langkah-langkah perlu diambil dalam menangani masalah ketagihan penggunaan *facebook* dalam kalangan pelajar sekolah yang melibatkan kerjasama dan usaha semua pihak agar masalah ini dapat diatasi sehingga ke akar umbinya.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka satu kajian mengenai faktor, kesan dan strategi menangani ketagihan penggunaan *facebook* terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah perlu dijalankan. Kajian ini berfokus kepada faktor, kesan dan strategi menangani ketagihan penggunaan *facebook* dalam kalangan pelajar sekolah.

SOROTAN KAJIAN

Mengikut kajian Irfan Khairi (2010), berdasarkan statistik Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan

(NITC), jumlah pengguna internet di Malaysia tahun 2010 mencecah 16.9 juta orang. Antara rangkaian sosial yang paling popular pula adalah laman sosial facebook dengan catatan kira-kira 6.2 juta pengunjung (Shahrizan Salian, 2010).

Perkembangan industri media amat dirasai pada pertengahan abad 1990-an apabila kerajaan telah mengubah dasarnya terhadap perkhidmatan penyiaran dengan pindaan akta penyiaran yang membolehkan wujudnya siaran televisyen satelit. Begitu juga dipertengahan tahun 1990-an didapati perubahan dasar kerajaan yang memberikan lesen untuk mengendalikan perkhidmatan siaran kepada beberapa stesyen televisyen dan radio swasta bagi merencanakan lagi perkembangan media massa di Malaysia (Abdullah Sulong dan Mawardah Abdullah, 2008). Hasilnya, media menjadi penyumbang utama kepada corak kehidupan belia hari ini (Samsudin, 1998).

Tambahan pula, kebiasaannya pelajar sekolah yang gemar menggunakan internet khususnya penggunaan facebook adalah untuk mendapatkan hiburan dengan cara bersembang di rangkaian sosial atau chat, memuat turun lagu, klip video, gambar dan bermain game merupakan pelajar yang masih berada di alam persekolahan rendah mahupun menengah. Manakala berdasarkan kajian Norton Online Living Report (NOLR) di Malaysia mengenai tabiat penggunaan internet mendapati remaja menghabiskan masa 16 jam seminggu melayari internet (Johari Hasan dan Raja Shahrina, 2012).

Kajian berhubung rangkaian sosial mendapati remaja di negara ini cenderung untuk menyertai sesuatu rangkaian sosial tertentu seperti friendster dan facebook kerana mempunyai perasaan memiliki sense of belonging yang kuat (Adham Shadan, 2010). Menurut Rozinah Jamaludin (2007), pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan internet disebabkan oleh ketiadaan disiplin diri dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak teratur dan tiada kawalan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa. Dengan ini, jelas terdapat pelbagai faktor remaja terlibat dalam kegiatan internet yang berlebihan khususnya dalam penggunaan facebook.

Internet juga menyediakan laman-laman rangkaian sosial yang membantu para pelajar untuk menghilangkan perasaan tekanan (Jerald, 2008). Pelajar yang mengalami tekanan selalunya berpunca daripada pelajaran atau situasi keluarga pelajar itu sendiri. Jadi mereka melayari laman rangkaian sosial seperti facebook dan twitter untuk melupakan tekanan. Menurut Jerald (2008), kebanyakan pelajar menggunakan laman sosial ini bukan sahaja untuk berkongsi gambar dan video malah, mereka berkongsi

soalan-soalan peperiksaan tahun sebelumnya sebagai persediaan untuk mereka menduduki peperiksaan kelak. Para pelajar berpendapat bahawa penggunaan laman sosial dalam ruang chat, perkongsian maklumat dan sebagainya membantu mereka untuk menjadi mahir dalam urusan penggunaan komputer (Jerald, 2008).

Melayari internet secara berlebihan juga menyebabkan individu suka duduk bersendirian sepanjang masa. Penggunaan laman web sosial facebook mengurangkan interaksi secara bersemuka. Golongan muda tidak lagi suka berbicara secara berdepan dan menyebabkan mereka tidak sensitif dengan perasaan, tidak endah reaksi rakan dan orang lain (Donald, 1994). Beberapa isu semasa juga memperlihatkan bahawa penggunaan facebook juga boleh menjadi saluran yang tidak sihat untuk menggalakkan perbuatan jenayah. Di mana terdapat banyak kes jenayah seperti rogol, penculikan serta pembunuhan berlaku kerana melalui perkenalan singkat di ruangan facebook yang mana mereka menjadi mudah terpedaya dengan ajakan individu yang tidak dikenali. Ini menjadikan perlunya kawalan dan seliaan terhadap faktor, kesan penggunaan facebook dan menyusun strategi menangani kesan negatif ketagihan facebook kepada pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan teoritikal interaksi simbolik bagi mendapatkan data daripada responden. Perspektif ini melihat individu sebagai satu produk sosial yang dipengaruhi oleh seseorang, tetapi pada masa yang sama berupaya menghuraikan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh orang itu (Blumer 1969). Dalam perkataan lain perspektif ini membolehkan pengkaji mengenalpasti persepsi dan maksud yang cuba disampaikan oleh seseorang dalam konteks sosial mereka (Schwandt 1994). Malah penyelidikan yang menggunakan pendekatan ini juga dikatakan mampu mengkaji “what goes on inside the heads of humans” (Meltzer, Petras dan Reynolds 1975).

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengemukakan beberapa topik dalam bentuk temuramah. Temubual terbahagi kepada tiga aspek iaitu faktor, kesan dan cara menangani penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 12 orang pelajar daripada salah sebuah sekolah di daerah Selatan negeri Perak. Sesi temubual dilaksanakan secara bersemuka dengan pelajar agar mendapat keputusan secara terus dan dapat mengenali ciri-ciri pelajar yang mengalami ketagihan internet. Ketagihan facebook dikenal pasti apabila responden mengakui di peringkat awal kajian bahawa;

a) mempunyai akaun facebook, b) menghabiskan masa lebih empat jam sehari melayari facebook dan c) merasa tidak selesa jika tidak dapat melayari facebook dalam masa kurang 8 jam.

Seramai 12 orang pelajar (8 pelajar lelaki dan 4 pelajar perempuan) telah diambil sebagai responden dalam kajian ini. Bagi tujuan kajian ini, responden kajian atau pelajar-pelajar tersebut dilabelkan sebagai M1 hingga M10. Tempoh pengumpulan data daripada kesemua responden kajian ini telah berlanjutan selama dua minggu. Analisis data pula dilakukan secara ‘line by line’ dan ‘by hand’ bagi memperoleh data yang kaya lagi komprehensif akan fenomena yang dikaji (Charmaz, 2000).

Objektif kajian yang dijalankan secara umumnya adalah untuk mengenalpasti sikap pelajar terhadap faktor-faktor, kesan dan mengenalpasti strategi menangani ketagihan facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Justeru, tiga persoalan utama yang digunakan untuk memperoleh data daripada responden yang terlibat, iaitu:

1. Apakah faktor yang mempengaruhi ketagihan pelajar sekolah menengah menggunakan facebook?
2. Apakah kesan-kesan ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
3. Bagaimanakah strategi-strategi untuk menangani permasalahan ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

DAPATAN KAJIAN

Faktor Pelajar Ketagihan Mengakses Laman Sesawang Facebook

Hasil daripada kajian temubual mendapati ramai pelajar yang mempunyai sebab-sebab tertentu yang mendorong para pelajar masa kini gemar melayari laman sesawang facebook. Antaranya ialah seperti berikut:

- 1) Membeli barang menggunakan facebook
Dapatan menunjukkan bahawa terdapat pelajar gemar melayari facebook adalah disebabkan kegemarannya membeli barang-barang melalui facebook.
“...Selalu jugak mak mintak kite bukak facebook sebab nak tengok iklan-iklan jualan dalam facebook tu...Kadang mak mintak tolong kite belikan barang mak guna facebook. Selalunya mak suka beli tudung, beli baju adik-adik dan macam-macam lagi lah....tu yang kite dengan mak kite suka bukak facebook ni...”.

(Sumber: M2)

- 2) Gemar Update Status dan bersembang di *facebook*
 Dapatan kajian menunjukkan kebiasaan pelajar sangat gemar bersembang di *facebook* kerana bersembang di *facebook* dapat menarik minat ramai rakan-rakan dalam memberi pandangan, pendapat, idea dan lain-lain lagi.
 “.....Umm..saya memang suka update status kat fb tu sebab saya suka bersembang ngan kawan-kawan...sebab nak tanya khabar ke...nak bertukar pendapat ke.. idea ker..banyaklah yang boleh saya share ngan kawan-kawan dalam fb ni....”
 (Sumber: M4)
- 3) Gemar Upload Gambar
 Terdapat juga hobi yang gemar melayari *facebook* adalah semata-mata kerana hobinya yang gemar upload gambar ke *facebook*.
 “ Saya suka upload gambar dalam fb, gambar-gambar saya, gambar family dan gambar kawan-kawan. Saya rasa enjoy bila ada kawan-kawan fb yang lain mula memberi respon atau beri komen terhadap gambar-gambar yang saya upload...”
 (Sumber: M1)
- 4) Hobi bermain game dalam *facebook*
 Kebanyakan responden yang ditemubual menyatakan gemar melayari *facebook* adalah semata-mata untuk bermain game yang terdapat di dalam *facebook*. Mereka lebih seronok bermain game di *facebook* kerana terdapat pelbagai jenis game yang sangat enjoy dan menarik perhatian mereka.
 “...kite suka bukak *facebook* ni sebab kite suka main game je..lagipun game dalam fb ni semuanya best-best..boleh release tension...lepas penat baca buku....”
 (Sumber: M3)
- 5) Mencari kenalan lama dan menambah kenalan baru
 Selain daripada yang dinyatakan di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menggemari laman sesawang ini adalah disebabkan ingin mencari rakan-rakan yang telah terpisah sekian lama dan juga ingin menambah kenalan baru.
 “...saye suke add member-member sekolah rendah dulu..seronok dapat jumpe member-member lama..dapat contact smula la..yang paling bestnye saye dapat add member baru..tak kirala laki ke perempuan ker..semua saye jadikan member fb..”
 (Sumber M7)
- 6) Menjadikan guru sebagai pakar rujuk di *facebook*
 Walaubagaimanapun terdapat juga faedah yang menjadi pendorong kepada pelajar melayari *facebook* iaitu menjadikan guru sebagai rakan *facebook* dan sebagai pakar rujuk dalam masalah pelajaran. Hal ini adalah pengakuan seorang pelajar yang menyatakan bahawa gurunya banyak membantunya dalam masalah pelajaran melalui *facebook*.
 “...saya bukan saja bukak *facebook* sebab nak bersembang kosong ngan member saja...tapi dalam *facebook* jugak, banyak tolong saya untuk dapatkan maklumat dan pengetahuan tambahan tentang pelajaran yang di postkan oleh cikgu matapelajaran saya...Cikgu juga banyak bantu saya lah dalam masalah pelajaran.. melalui fb cikgu akan bantu saya sekiranya saya tidak faham ape yang dipelajari..cikgu akan explain sampai saya faham...”
 (Sumber M9)
- 7) Mendapatkan info terkini melalui *facebook*
 Terdapat juga responden kajian menyatakan bahawa minat untuk melayari *facebook* ini adalah untuk mendapatkan info dan maklumat terkini yang dikongsi bersama rakan-rakan sekelas di *facebook*.
 “...Bila ada *facebook* ni saya senang la nak dapatkan maklumat..member-member akan share kat *facebook* kalo ada ape-ape info dari cikgu ker...maklumat tentang..nota tambahan yang cikgu upload ker...sekarang seronok sebab kiteorang satu kelas dah ada grup sendiri kat fb...so macam-macam la dorang satu kelas boleh share kat fb tu.
 (Sumber M1)
- 8) Perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru dan pengaruh rakan
 Terdapat juga responden kajian menyatakan bahawa minat untuk melayari *facebook* ini adalah disebabkan perasaan ingin mencuba sesuatu (*facebook*) yang baru dan pengaruh rakan sebaya.
 “...saya ni kadang-kadang jer nk cube de fb ni b'coz member-member saya taklah cakap tak bleh masuk geng..
 (Sumber M8)
- 9) Berniaga dalam *facebook*
 Dapatan menunjukkan bahawa terdapat pelajar gemar melayari *facebook* adalah sebabnya ialah ingin menjual barang-barang melalui *facebook*.
 “kawan-kawan kite selalu msuk fb kite sbb nak tgok barang-barang yang kite jual.selalunya kite jual biase-biase je buku kecil warna warni, klip paper, dan macam-macam lagi lah....tu yang kite suka bukak *facebook* ni dapat duit ooo...”
 (Sumber:M12)

10) Hanya suka-suka dan mengisi masa lapang
Selain daripada yang dinyatakan di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menggemari laman sesawang ini adalah disebabkan hanya suka-suka dan ingin meluangkan masa lapang sahaja.
“...teman bukannya suko sangat ke fb tue tp hanya suko biaso-biaso jer ngan nok habihkan maso lapang teman jer.itula teman ngadap fb jer bila free ado gak faedahnye.

(Sumber M9)

11) Menipu rakan-rakan dan membuat sesuatu yang tidak bermoral
Walaupun bagaimanapun terdapat juga pelajar yang menyalahgunakan dan menukarkan faedah kepada gangguan yang mana pelajar melayari facebook disebabkan ingin menipu dan untuk gejala yang tidak bermoral seperti bersembang lucu.
“...aku bukan saja bukak facebook sebab nak bersembang kosong ngan member...tapi aku jugak nak melawan menipu, berbalah dan cakap yang hebat-hebat. Lagi bes, aku ngn member-member fb sembang pasal seks dan lucu..huyoo seronok. masing-masing kami tukar cerita...”

Sumber M10)

12) Kesunyian, perlukan teman untuk menghiburkan hati/ melepaskan tekanan
Terdapat juga responden kajian menyatakan bahawa minat untuk melayari *facebook* ini adalah disebabkan perasaan kesunyian dalam diri dan memerlukan teman untuk menghiburkan hati/ melepaskan tekanan.
“...kite ni hari-hari sunyi, kat rumah dah ler tak de sape. Mak ngn ayah dh ler hari-hari kerje.fb lah teman yg buat kite happy dan menghiburkan hati kite.hari-hari depan fb pun tak kisah...”

(Sumber M11)

Kesan Ketagihan Pelajar Mengakses Laman Sesawang Facebook

Seterusnya hasil kajian kualitatif mendapati penggunaan facebook dalam kalangan pelajar semakin menular pada masa kini dan sangat membimbangkan sesetengah pihak iaitu dalam kalangan ibu bapa dan guru-guru. Hal ini adalah kerana hasil kajian yang diperolehi mendapati kesan negatif lebih banyak diperolehi berbanding kesan positif terhadap penggunaan facebook dalam kalangan pelajar. Penggunaan facebook kebanyakannya disalahgunakan oleh pelajar dan kurang dimanfaatkan penggunaannya ke arah yang lebih positif.

Hal ini terbukti hasil kajian yang dilakukan terhadap beberapa responden pelajar yang ditemuramah mengaku bahawa terdapat banyak kesan negatif daripada kesan positif akibat daripada salah guna *facebook* ini. Antara kesan yang dinyatakan oleh responden kajian ialah:

1) Kesan terhadap penggunaan laman sesawang ini telah menyebabkan kerja sekolah yang telah diamanahkan oleh guru mula tertangguh
Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan laman sesawang sosial ini akan menyebabkan seseorang pelajar itu membazir masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti bermain games dan chatting yang menyebabkan kerja sekolah yang diamanahkan oleh guru tertangguh.
“...ummm...memangla..bila saya mengadap fb jer saya tak sedar masa berlalu dengan cepat..sampai saya lupa nk buat keje sekolah yang cikgu bagi...syok sangat berchating ngan member...last-last... pegi sekolah kne marahla...sebab tak siap keje rumah..hu..hu..”

(Sumber M1)

2) Pelajaran seseorang pelajar akan terabai
Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan laman sesawang ini boleh mengakibatkan pelajaran seorang pelajar itu terabai kerana tiada masa yang diperuntukkan untuk mengulang kaji pelajaran. Ini terbukti setelah pelajar tersebut mendapati bahawa setelah berlangsungnya sesuatu peperiksaan markah yang diperolehi merosot dari peperiksaan sebelum ini.
“...kalo sebelum saya aktif berfacebook...saya ada masa la nak bagi-bagi masa nk study, tapi sekarang bila selalu sangat berfacebook ni...dah tak pandai nak bagi masa mana nak study...sibuk berfacebook jer lah hari-hari...lama-lama jadi ketagih...pulang. Ujian sebelum ni ok jer..semua lulus..tapi exam akhir tahun ari tu..kantai la..sebab tak banyak baca buku...dah..hi...hi..”

(Sumber M6)

3) Kurang berinteraksi secara bersua muka
Masa yang diperuntukkan untuk *facebook* adalah sangat banyak. Apatah lagi, di dalam *facebook* terdapat pelbagai jenis ‘games’ yang mampu meleakakan remaja. Apabila ini berlaku, pelajar mula kurang melakukan aktiviti yang sosial bersama rakan-rakan sebaya, tidak berminat untuk menghadiri kenduri atau majlis-majlis. Tambahan pula, ia juga akan mengurangkan masa pelajar bersama keluarga. Pelajar ini akan lebih cenderung duduk di rumah sambil melayari *facebook*

berbanding mempunyai masa berkualiti bersama ahli keluarga. Keadaan ini sangat membimbangkan masyarakat sekeliling, di mana kebanyakan pelajar kini kurang berinteraksi dengan keluarga dan rakan-rakan secara bersua muka. Ini akan menimbulkan kerisauan ibu bapa apabila melihat perkembangan anak-anak terbantut akibat daripada kurang berinteraksi sesama manusia. Ini kerana sekali gus menyebabkan pelajar akan lebih cenderung menyendiri dan tumpuan belajar juga berkurangan. “...Selalunya...saya berkurung dalam bilik la.. mlayan fb sorang-sorang...sejak ada fb ni..saya tak kisah pun tak kuar rumah jumpa member-member..sebab dalam fb pun boleh borak-borak jugak. Bila dapat chatting ngan member-member buat saya seronok...and...enjoy.

(Sumber M5)

4) Melalaikan dan ketagih

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa melayari facebook sesungguhnya melalaikan pelajar semua dan ia juga menyebabkan pelajar ketagih. Apabila terlalu asyik dengan *facebook*, ia boleh menyebabkan ketagihan seperti ketagihan dadah. Mereka sanggup menghabiskan masa dan wang semata-mata untuk melayari facebook dan internet. Tambahan pula apabila berkenalan dengan rakan yang menjadi tempat meluahkan perasaan yang handsome dan cantik. Ini akan mengakibatkan ketagihan facebook. Mereka akan sentiasa chatting, update status, upload gambar supaya dapat menarik minat pembaca terutama orang yang disukai “...memang la tak dinafikan, mukabuku memang boleh melalaikan dan menyebabkan ketagihan... tapi ianya bergantung jugak kepada setiap individu tersebut...sama ada dari positif or negatif bukan mukabuku saja yang menyebabkan hal ini berlaku, tapi banyak lagi laman sosial yang lain...so kitem mestilah bijak menguruskan sesuatu, agar diri kitem tidak menjadi hamba terhadap hal-hal macam ni...”

(Sumber M3)

5) Dapat melahirkan pelajar yang sentiasa mengikuti perkembangan teknologi IT

Walaupun bagaimanapun terdapat kesan yang positif melalui penggunaan facebook ini. Ini terbukti hasil daripada temuramah terhadap responden kajian. Hasil kajian mendapati bahawa responden menunjukkan mereka sentiasa produktif dan tidak berada dalam situasi seperti katak dibawah tempurung atau buta IT. Kebanyakan pelajar yang berjinak-jinak dalam facebook kini telah banyak

mendekatkan diri mereka dengan dunia IT. Jika sebelum ini pelajar tidak mahir dalam penggunaan komputer dan internet, kini setelah wabak *facebook* mula menular dalam kalangan pelajar, ia dapat membantu memahirkan pelajar dalam teknologi komputer dan internet.

“...dulu saya tak pandai pun guna komputer...pastu kawan tolong bukak account fb..lama-lama saya cubalah explorer sendiri...”

(Sumber M8)

6) Dapat meluaskan pergaulan dan menambahkan ilmu pengetahuan

Dapatan kajian menunjukkan *facebook* sebenarnya boleh dijadikan medium dalam merapatkan lagi hubungan interaksi sesama kaum. Hal ini dapat dilihat dalam akaun laman sosial seseorang yang mempunyai rakan pelbagai kaum sama ada Cina, India mahu pun Melayu. Di samping meluaskan pergaulan antara kaum, pelajar juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan atau isu-isu semasa daripada rakan-rakan kenalan yang berkongsi maklumat di *facebook*.

“...mmm..memang tidak dinafikan melalui *facebook* saya jugak dapat berkawan dengan pelbagai bangsa tak kira lah kawan saya tu Cina ker...India ke...mereka jugak banyak berkongsi pendapat, pandangan ngan saya. Lagi pun dorang suka upload isu-isu semasa, upload contoh-contoh soalan exam...ok lah saya pun dapat faedahnya

(Sumber M2)

Strategi Menangani Ketagihan Pelajar Mengakses Laman Sesawang Facebook

Dalam dunia globalisasi ini, kita tidak boleh menyekat pelajar daripada menggunakan internet terutamanya facebook tetapi perlu mengambil langkah mengawal dan memantau kegiatan pelajar supaya mereka tidak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif sehingga melalaikan mereka seterusnya merosakkan akhlak.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa pandangan responden kajian yang mencadangkan beberapa cara dalam mengambil langkah memantau kegiatan pelajar yang gemar melayari laman sesawang sosial ini. Antara pernyataan responden yang ditemuramah ialah:

1) Peranan ibu bapa dalam memantau kegiatan anak-anak mereka di rumah

Dapatan kajian mendapati kebanyakan responden berpendapat bahawa peranan ibu bapa dalam menangani masalah ini adalah sangat penting. Ibu bapa boleh mendidik dan mendisiplinkan anak-

anak mereka bagi memantau kegiatan anak-anak mereka di rumah.

“...hmm.pada pendapat saya lah..peranan mak dan ayah saya lah penting..dorang kenelah selalu pantau saya ..lagipun mereka boleh menegur saya, nasihat saya..sebelum ni..dorang buat tak kisah jer..kalo saya layan *facebook*...

(Sumber M10)

“...saya..pun sama jugak..mama dan ayah tak kisah pun sebelum ni kalo saya duk lam bilik senyap mengadap *facebook*... tapi kalo diorang bertegas dan cuba nasihatkan saya mungkin saya tak dalah ketagih sangat ber*facebook* kot...”

(Sumber M11)

“...kite rasakan,mama dan papa patutlah meluangkan masa ngan kite. Diorg tak patut abaikan kite.mama dan papa kenalah amik berat, teman kite dan selalu mengambil tahu ape yg kite buat...”

(Sumber M3)

- 2) Disiplinkan diri dalam menentukan masa yang sesuai dan tentukan beberapa minit untuk melihat *facebook*

Hasil kajian mendapat respon daripada responden kajian di mana mereka berpendapat walaupun agak sukar untuk mengatasi masalah ketagih *facebook* ini namun jika kita boleh mendisiplinkan diri untuk kuarantinkan masa *facebook* dan fokus kepada aktiviti lain yang lebih berfaedah itu adalah lebih baik.Sesungguhnya kita patut sedar bahawa *facebook* ini umpama umpan untuk kita membuang masa daripada dunia yang sebenar dan membunuh masa manusia setiap hari.

“...memang saya patut ubah sikap ketagih ber*facebook* ni...walaupun susah saya akan cuba jugak disiplinkan diri saya dari ketagih. InshaAllah saya akan cuba hadkan masa saya ber*facebook* dan jugak saya akan cubalah elak dengan mengisi masa luang saya dengan aktiviti yang lebih berfaedah contohnya...kalo petang-petang saya beriadah ker.. pegi main bola ngan member-member ker...”

(Sumber M9)

“...aku tahu sikap aku ni tak ok, aku patut ubah sikap yg suka menipu, berbalah dan sembang perkara tak bermoral ni....walaupun susah aku akan cuba jugak disiplinkan diri dan tak tengok video-video lucah dan cuba tanamkn dlm diri aku yg semua benda tu tak berfaedah belaka..aku sekarang nak cuba aktiviti yang lasak dan berfaedah seperti

daki gunung, berkayak dan banyak lagi aku boleh join..

(Sumber 8)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil daripada temubual terhadap pelajar sekolah menengah yang mengalami ketagihan internet ini terdapat beberapa faktor yang boleh di rumuskan. Antara faktanya ialah pelajar menjadikan medium *facebook* untuk membeli barang atau menjalankan perniagaan di dalam *facebook*. Seterusnya pelajar juga gemar update status, mendapatkan info terkini dan bersembang bersama rakan-rakan di *facebook*. Mereka juga suka memasukkan gambar-gambar mereka yang terkini dan cantik untuk dikongsi bersama rakan-rakan. Pelajar juga menjadikan laman sesawang *facebook* sebagai medium untuk mencari kenalan lama dan menambah kenalan baru. Hal ini kerana mereka kesunyian serta perlukan teman untuk menghiburkan hati dan melepaskan tekanan. Bagi pelajar-pelajar yang mempunyai kemusykilan di dalam hal pelajaran, mereka menjadikan guru sebagai pakar rujuk di dalam medium ini. Sebagai contoh, jika ada kerja sekolah yang mereka tidak faham, mereka dapat bertanyakan guru di *facebook* tidak mengira masa. Selain itu, perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru dan pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor pelajar menggunakan medium *facebook* ini. Kadang-kadang, mereka ini hanya suka-suka menggunakan *facebook* dan juga hanya untuk mengisi masa terluang sahaja. *Facebook* digunakan oleh pelajar untuk menipu rakan-rakan dan membuat sesuatu yang tidak bermoral seperti bersembang tentang hal-hal lucah. Keseluruhannya, faktor-faktor yang menjadikan pelajar ketagih melayari laman sosial *facebook* dipengaruhi oleh sikap diri, individu berdekatan dan ciri kandungan dalam aplikasi *facebook* itu sendiri yang dikatakan menarik pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kesan yang positif dan negatif terhadap ketagihan penggunaan *facebook* dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Di antaranya ialah dapat melahirkan pelajar yang sentiasa mengikuti perkembangan teknologi IT. Pelajar tidak lagi berada dalam situasi seperti katak bawah tempurung atau buta IT. Dunia mereka sudah berkembang maju seiring dengan peredaran zaman. Keadaan ini melahirkan pelajar yang sentiasa produktif. Manakala kesan negatifnya berlaku masalah sosial seperti pergaulan bebas, bergaduh sesama mereka, penyalahgunaan teknologi, gejala ponteng sekolah dan cenderung ke arah perbuatan jenayah dan sebagainya. *Facebook* juga

dijadikan medium untuk mencari keseronokan seperti mencari cinta dan memfitnah orang lain. Ketagihan terhadap facebook juga boleh menyebabkan pelajar kerap menipu, antisosial dan berubah menjadi seorang yang pemaarah sekiranya keinginan mereka tidak dapat dipenuhi.

Kajian ini juga memperlihatkan penggunaan facebook dapat melahirkan generasi pelajar yang aktif dari segi psikomotor, kognitif dan afektif. Hal ini kerana melalui facebook, mereka dapat meluaskan pergaulan dan menambahkan ilmu pengetahuan. Facebook sebenarnya boleh dijadikan medium dalam merapatkan lagi hubungan interaksi sesama kaum. Hal ini dapat dilihat dalam akaun laman sosial seseorang yang mempunyai rakan pelbagai kaum sama ada Cina, India mahu pun Melayu. Hubungan interaksi antara kaum menjadi semakin rapat dalam alam maya, walaupun secara lumrahnya masing-masing mempunyai perasaan malu untuk bertegur sapa. Melalui laman ini juga, konsep gagasan 1 Malaysia dapat direalisasikan. Daripada pandangan negatif, laman sosial seperti facebook ini jika digunakan secara berlebihan akan menyebabkan pelajar itu sendiri daripada pasif menjadi aktif dan ia akan membawa kepada kesan positif.

Selain daripada itu, terdapat juga kesan negatif lain akibat penggunaan facebook dalam kalangan pelajar. Jika diingat kembali, pada dahulunya komunikasi dua hala amat berkesan kerana jika ingin berbincang atau ingin menyalurkan maklumat, seseorang pelajar terpaksa berjumpa dengan pelajar yang lain bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Tetapi kini, keadaan itu semakin kurang dipraktikkan kerana masing-masing mempunyai laman sosial yang boleh digunakan untuk berinteraksi tanpa bersua muka. Sebagai contoh setibanya hari lebaran iaitu Hari Raya Aidilfitri, adat menghantar kad raya semakin dilupakan. Para pelajar sanggup scan kad tersebut dan hanya menanda nama rakan sebagai tanda ucapan. Adat dan budaya menghantar kad raya seperti dahulu kian pupus ditelan zaman.

Penggunaan laman sesawang sosial menyebabkan seseorang itu membazir masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti bermain games. Sebagai contoh, apabila remaja itu banyak meluangkan masa bermain games dan chatting menyebabkan kerja sekolah yang telah diamanahkan oleh guru tertanggung. Hal ini akan menyebabkan mereka dimarahi dan dirotan oleh guru seterusnya mereka akan menjadi malu dan tertekan. Selain itu, penggunaan laman sesawang akan mengakibatkan pelajaran seseorang terabai kerana tiada masa yang diperuntukkan untuk mengulang kaji pelajaran.

Selain itu kesan ketagihan penggunaan

facebook adalah pelajar sudah tidak peduli dengan keadaan sekitarnya. Kekurangan pelajar terhadap sosialisasi dengan dunia nyata juga memberi kesan yang serius kerana mereka yang tegar menggunakan facebook lebih mempercayai pendapat dan pengalaman daripada alam maya berbanding dunia nyata. Namun sekaligus juga memberi kesan terhadap penggunaan masa yang sepatutnya kepada pelajaran malah digunakan sepenuhnya kepada facebook.

Kesan yang membimbangkan para ibu bapa adalah masa terluang pelajar kepada keluarga juga menjadi semakin berkurangan. Keadaan ini menjadi kerisauan ibu bapa terhadap anak-anaknya yang begitu taksud akan penggunaan facebook yang menjadikan perhubungan mesra dengan keluarga menjadi renggang. Pelajar yang tegar ketagihan menggunakan facebook sering bersifat individualistik selain mudah terdorong untuk taksud terhadap penggunaan facebook yang mengandungi bahan-bahan yang tidak mempunyai nilai moral.

Sememangnya diakui ketagihan facebook telah menjadi sindrom yang tidak sihat. Ia memberi kesan kepada gaya hidup seharian yang mana terpaksa bergantung kepada facebook untuk apa jua status update dan dunia fantasi facebook. Maka, adakah ini satu bentuk 'slave' penghambaan dan penjajahan minda atau 'mind control' era baru kepada para remaja khususnya pelajar?. Pelajar sekarang dengan beraninya meletakkan gambar-gambar yang tidak menepati syariat dan disebarkan kepada seluruh dunia dan semua orang boleh 'access' walau di mana jua berada hanya menggunakan hujung jari sahaja. Oleh yang sedemikian, pelbagai strategi perlu dilakukan dalam menangani penggunaan facebook ini sehingga ke akar umbi.

Antaranya ialah pelajar itu sendiri perlu menghadkan dan menentukan masa untuk melayari facebook. Sebagai contoh menentukan masa selama 30 hingga 60 minit penggunaan dalam sehari. Walaupun susah untuk melakukannya disebabkan 'access' facebook mudah dengan adanya aplikasi handphone, ini tidak menjadi masalah kerana semuanya terletak pada diri para pelajar itu sendiri yang perlu berdisiplin dalam menanganinya. Seterusnya pelajar itu perlu menjadikan medium facebook ini untuk tujuan ilmiah sahaja yang mana mereka perlu mengekang perkara-perkara yang tidak berfaedah dalam 'access' sesuatu bahan.

Pada pandangan guru juga perlu ada dalam menangani penggunaan facebook di kalangan pelajar sekolah iaitu pihak sekolah dan guru perlulah melarang dan menyekat pelajar melayari facebook di dalam makmal ICT sekolah. Sekolah perlulah memberikan denda dan hukuman yang sewajarnya kepada para

pelajar yang melanggar arahan yang telah ditetapkan itu.

Manakala pihak kerajaan pula perlulah memperketatkan lagi undang-undang terhadap pelajar yang di bawah umur berkenaan kegiatan mengunjungi pusat-pusat Cyber Cafe dalam waktu persekolahan dan dengan berpakaian uniform sekolah. Para pelajar yang ingkar akan didenda dan diberi hukuman yang sewajarnya.

Ibu bapa merupakan individu yang berpengaruh besar kepada para anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa sangat penting dalam menangani penggunaan facebook dalam kalangan pelajar yang sangat meruncing pada masa kini. Ibu bapa perlulah sentiasa mengawasi dan memantau segala aktiviti berkaitan dengan facebook para pelajar. Selain itu, ibu bapa perlulah menghadkan penggunaan internet (facebook) dalam setiap hari seperti menyediakan jadual penggunaan facebook beserta dengan masa berkualiti yang tertentu.

Secara keseluruhannya, penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini sememangnya mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Hal ini kerana jika dilihat kepada faktor, terdapat banyak faktor yang positif berbanding daripada faktor negatif. Ia juga sama dengan kesan serta cara menanganinya yang mempunyai aspek positif dan negatif berikutan dengan segala teknologi yang asalnya memberikan kemudahan tetapi telah disalah guna untuk sesuatu yang tidak baik.

IMPLIKASI KEPADA KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini merupakan antara usaha awal yang dilakukan oleh penyelidik dalam menjana pengetahuan, konsep dan deskripsi berkaitan faktor, kesan dan cara menangani penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Namun demikian, harus difahami bahawa pengaruh facebook dalam kalangan pelajar sekolah itu adalah bersifat subjektif dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Kajian lanjutan harus difokuskan kepada faktor luaran seperti faktor persekitaran iaitu masyarakat dan komuniti.

Dari segi responden pula, kajian lanjutan harus tidak terbatas kepada pelajar sekolah menengah sahaja tetapi haruslah dikaji kepada semua remaja dalam lingkungan usia 13 hingga 20 tahun.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor, kesan dan strategi menangani

ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Beberapa maklumat asas mengenai kajian yang dijalankan telah dinyatakan untuk memudahkan kerja-kerja mengumpul segala maklumat yang diperoleh daripada responden secara lebih sistematik serta memudahkan maklumat tersebut dipersembahkan. Kekerapan pelajar dalam menggunakan laman sosial mempunyai kesan baik dan buruk bergantung kepada cara ia digunakan selain dapat membantu menyokong perlakuan dalam melakukan sesuatu perkara ke arah kebaikan. Sebagai pelajar yang mempunyai tahap pendidikan dan waras akal fikirannya, gunakan sebaik mungkin kemudahan laman sosial seperti facebook ini untuk kebaikan bersama di samping dapat merealisasikan gagasan 1 Malaysia.

Penggunaan laman sesawang sosial ini mendatangkan pelbagai kebaikan dan keburukan kepada masyarakat. Namun impak yang negatif yang wujud harus diberi perhatian serius oleh pihak yang berwajib yang terdiri daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap laman sesawang sosial yang tidak bertanggungjawab. Pendek kata semua pihak harus bekerjasama tanpa menunding jari mencari kesalahan orang lain. Apa yang lebih penting adalah usaha sama yang baik dan berterusan dalam menangani permasalahan ini supaya ia tidak menjadi vius yang boleh merosakkan bakal peneraju kepimpinan negara tercinta ini.

RUJUKAN

- Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah (2008). Pengaruh media elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar. Tesis Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai : Penerbit, Universiti Teknologi Malaysia.
- Adham Shadan. (2010). 18 sms sehari. Kosmo, diakses pada September 21, 2010, sumber daripada: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in_01.html
- Bernard N. Meltzer, John W. Petras and Larry T. Reynolds (1975). Symbolic interactionism: genesis, varieties and criticisms, London. Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Charmaz, Kathy (2000). Grounded theory methodology: objectivist and constructivist qualitative methods.

- 2nd Edition, edited by N. K. Denzin and Y.S. Lincoln. Thousand Oaks, CA: Sage.
- David S. Wall (2005). *Information technology and the criminal justice system: California : US*. Sage Publications.
- Donald, R. (1994). *Minding your cyber manner on the internet*. Alpha Books.
- Herbert Blumer (1969). *Symbolic interactionism: perspective and method*, California : University of California Press
- Irfan Khairi (2010). *Rahsia internet.com: statistik pengguna internet sedunia, 2, 2010*, sumber dari: <http://rahsiainternet.com/statistik>, diakses pada Oktober.
- Johari Hassan & Raja Shahrina (2012). *Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Volume 6 June 2012, Pages 23-43
- Jerald, J. B. (2008). *The american journal of physchiatry*, am J psychiatry, 165: 306-307.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi ke-2 (2008), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norakmah Mat (2011). *60,000 pelajar kita ketagih fb*. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60_000pelajarkitaketagihFB/Article/
- Rozinah Jamaludin (2007). *Internet dalam pendidikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Samsudin A.Rahim (1998). *Pembangunan, ketembusan media dan identiti budaya remaja kumpulan penyelidik IRPA media dan identiti budaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schwandt, T. A. (1994). *Constructivist, interpretivist approaches to human inquiry*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Shahrizan Salian (2010). *Teknologi: remaja guna laman web sosial pamer populariti diri*. Berita Harian Online, sumber dari: http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi_Remajagunalamanweb_sosialpamerpopularitidiri/Article, diakses pada November 11, 2010,
- Suyono, M.Pd & Muyassaroh, S.S,S,P. (2009). *Implikasi penggunaan facebook terhadap penurunan prestasi akademik mahasiswa*. Universitas Negeri Malang Fakultas Ilmu Pendidikan jurusan Teknologi Pendidikan
- Syed Jaymal Zahiid (2010, Januari 15). *Kalimah Allah: gara-gara komen facebook pelajar 25 tahun di dakwa*. <http://wargamarhaen.blogspot.com/2010/01/kalimah-allah-gara-gara-komen-facebook.html>
- facebook.html
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (Prof. Madya Dr.)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak
E-mel: shah.aziz@ymail.com
- Irna Abd Latif (Puan)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak
E-mel: Irna_latif@yahoo.com
- Wan Rosni Wan Mamat (Puan)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak
E-mel:rosnim@yahoo.com
- Siti Noratikah Abd Razak (Puan)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak
E-mel:atikah@gmail.com
- Juwita Sayang Abd Rahim (Puan)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjong Malim, Perak
E-mel: Juwita_s@gmail.com